

01 DEC 1998

Mahathir-Parti

KERAJAAN TIADA MASALAH LULUS PERMOHONAN KUMPULAN PRO REFORMASI

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tiada masalah meluluskan permohonan kumpulan pro-reformasi untuk menubuhkan parti politik "asalkan mereka berbuat demikian mengikut saluran yang betul".

"Tapi kalau mereka kata hendak menubuhkan parti sebab nak tembak dan bunuh orang dan mahu mengadakan demonstrasi setiap hari, kita tidak akan memberi kebenaran (untuk menubuhkan parti)," katanya kepada pemberita selepas melancarkan pengeksporan pesawat SME MD3-160 keluaran Malaysia ke Amerika Syarikat.

Beliau berkata demikian apabila ditanya adakah kerajaan akan memberi kelulusan bagi penubuhan parti politik oleh penyokong pro Reformasi.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno tidak menolak kemungkinan ada segelintir ahli Umno yang akan menyertai parti yang bakal ditubuhkan oleh kumpulan pro-reformasi.

"Mereka bukan anggota Umno tulen, mereka cuma "passing through", mereka menyangka ia akan membawa faedah untuk menyertai Umno kerana mereka boleh mendapat kontrak dan lain-lain," kata beliau.

Bagaimanapun, orang yang memberi mereka kontrak sudah tiada lagi dan oleh itu, tidak ada gunanya bagi mereka untuk berada dalam Umno.

Dr Mahathir menjawab soalan sama ada anggota-anggota Umno akan menyertai apa yang dikatakan parti politik baru penyokong-penyokong pro reformasi.

"Kita anggota Umno biasa, kita masuk Umno kerana kepentingan bangsa, negara, tanahair dan agama," katanya dan menambah orang ini (ahli Umno yang menyokong pro reformasi) adalah orang yang "kepentingan poket".

Ketika ditanya adakah Barisan Nasional (BN) akan kehilangan undi jika penyokong pro reformasi menubuhkan parti dan bertanding dalam pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir tidak menolak kemungkinan perkara itu berlaku.

"Sudah tentu ia akan menyebabkan BN kehilangan undi tetapi itu tidak mengapa kerana dalam pilihan raya, sesetengah kita menang dan sesetengah kita kalah," kata beliau.

"Mereka mahu menubuhkan sebuah parti politik, itu tidak mengapa, jika mereka berani," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada kenyataan itu berupa ancaman, Dr Mahathir berkata: "Ia bukan ancaman, orang ini semuanya bacul, apabila dia ramai dia kuat dan berani sikit, apabila duduk seorang diri dia duduk senyap-senyap sahaja.

Beliau berkata tindakan penyokong pro-reformasi untuk menubuhkan sebuah parti politik adalah hak mereka.

Katanya adalah lebih baik mereka menubuhkan sebuah parti politik dan bertanding dalam pilihan raya umum akan datang daripada menimbulkan kesusahan kepada orang ramai seperti peniaga dan pemandu teksi yang terjejas pendapatan setiap kali golongan itu mengadakan demonstrasi.

"Dalam pilihanraya boleh bertanding, nak maki orang pun boleh, saya sudah biasa dimaki oleh mereka, jadi itu tidak ada bezanya bagi saya" kata beliau.

Minggu lepas, aktivis Malek Hussein yang dibebaskan daripada tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) mengumumkan hasrat penyokong pro reformasi bagi penubuhan sebuah parti politik.

Malek berkata penubuhan parti politik itu adalah sebagai menyahut

cabaran Dr Mahathir ketika berada di Sabah yang menasihati penyokong pro-reformasi itu supaya menubuhkan sebuah parti politik.

-- BERNAMA

ARA FAZ